

04/10/2001

Skim gaji lebih menarik untuk kakitangan awam

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Lebih 900,000 kakitangan awam, termasuk anggota polis dan tentera akan menikmati skim gaji yang lebih menarik di bawah struktur semakan gaji baru yang dijangka diumumkan Januari tahun depan.

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), kakitangan kerajaan dijangka menikmati sistem gaji bersih, sekali gus membolehkan mereka membawa pulang pencen yang lebih baik.

Badan induk kesatuan sekerja sektor awam itu mencadangkan, di bawah sistem gaji bersih itu, gaji asas terakhir dan elaun akan digabungkan untuk menentukan kuantum pencen.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata faedah lain ialah gaji minimum RM1,000 bagi kakitangan awam, elaun perumahan dinaikkan kepada RM250 dan satu lawatan percuma ke luar negara bagi sama ada atas sebab perubatan atau mengerjakan umrah.

"Bukan semua cadangan kami akan diterima. Saya yakin kerajaan akan meneliti masalah kami dan membenarkan struktur sedia ada diubah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai keyakinan penuh, kerajaan akan membuat pengumuman mengenai perkara itu Januari ini kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ini mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyiapkan laporan itu dalam tempoh tiga bulan.

Beliau yang tidak mahu menghuraikan secara terperinci pindaan itu kerana bimbang akan disalah anggap sebagai usaha mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden, bagaimanapun membayangkan ia mengandungi banyak perubahan terhadap gaji kakitangan sektor awam.

"Saya tidak mahu mengambil kesempatan daripada maklumat yang saya dapat dari JPA kerana ia akan dikatakan menjadi penting untuk (mengekal) jawatan Presiden," katanya.

Bercakap kepada pemberita di Konvensyen Cuepacs Ke-22 di sini hari ini, Siva berkata, struktur semakan gaji baru itu adalah bagi memberikan sesuatu yang lebih baik kepada 980,995 kakitangan awam di negara ini.

"Ia juga bagi menarik generasi muda untuk menyertai perkhidmatan kerajaan kerana skala gaji dan faedahnya pada masa ini tidak cukup menarik," katanya.

Cuepacs dalam memorandum yang dihantar kepada kerajaan sebelum ini mahu Skim Saraan Baru (SSB) diubah suai dari sudut gaji, pencen dan imbuhan/insentif supaya lebih teratur dan adil.

Selain itu, Cuepacs mencadangkan satu struktur gaji baru bagi menggantikan jadual gaji matrik yang digunakan dalam SSB.

Ditanya mengapa Cuepacs begitu yakin laporan pindaan SSB itu akan diumumkan Januari tahun depan, Siva berkata tidak ada mana-mana skim gaji yang wujud selepas 10 tahun dilaksanakan. SSB dilaksanakan pada 1992.

"Mana-mana skim gajipun dalam tempoh 10 tahun akan luput dan strukturnya tidak sesuai, terutama dalam alaf baru.

"Oleh itu, sudah tiba masanya segala-galanya distruktur semula. Saya percaya rombakan ini akan menjadi satu yang amat ketara dan tidak hanya tertumpu kepada satu dua aspek saja," katanya.

Ditanya mengapa laporan itu lambat disiapkan, Siva berkata, ia mengambil masa kerana ia adalah sebuah laporan yang terperinci.

"Jika dulu apabila kerajaan menyediakan laporan gaji, kita hanya datang apabila ia sudah siap. Bagaimanapun, kali ini, pemimpin Cuepacs duduk sama

berbincang dan turut memberi pandangan," katanya.

Ditanya input penting yang diberi Cuepacs ketika mengadakan perbincangan dengan kerajaan, beliau berkata tiga aspek penting yang diberi penekanan ialah penstrukturan semula gaji kakitangan awam, laporan prestasi yang baru untuk kenaikan pangkat dan pemberian elaun seperti imbuhan tetap perumahan.

Sementara itu, keputusan sama ada Siva berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Presiden Cuepacs atau tidak akan diketahui esok.

Siva yang menang jawatan itu pada 1998 dengan kelebihan 10 undi dicabar oleh Presiden Kesatuan Perkhidmatan Teknikal Malaysia (MTSU), Mohamed Yusop Harmain Shah, 50; dan Naib Presiden Kesatuan Kakitangan Mardi, Mohamed Ramli Omar, 47.

Proses pengundian yang diadakan bagi semua jawatan sempena konvensyen itu berjalan lancar dengan semua 936 perwakilan yang mewakili 113 gabungan membuat pemilihan melalui undi sulit.

(END)